


Imam al-Nawawi di dalam al-Majmuk ada menjelaskan hukumnya:

أَمَّا خِصَابُ الْيَدَيْنِ وَالرِّجْلَيْنِ بِالْحِنَاءِ  
فَمُسْتَحَبٌّ لِلْمُتَزَوِّجَةِ مِنَ النِّسَاءِ ،  
، لِلْأَحَادِيثِ الْمَشْهُورَةِ فِيهِ

“Adapun mewarnakan (menghiasi) kedua tangan dan kaki dengan inai, maka hukumnya sunat bagi wanita yang telah berkahwin, berdasarkan hadis-hadis yang masyhur mengenainya.”

وَهُوَ حَرَامٌ عَلَى الرَّجَالِ إِلَّا لِحَاجَةٍ  
التَّدَاوِيِّ وَنَحْوِهِ

“Dan ia haram bagi lelaki kecuali jika ada keperluan perubatan dan seumpamanya.”



وَمِنَ الدَّلَائِلِ عَلَى تَحْرِيمِهِ قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْحَدِيثِ الصَّحِيحِ : { لَعَنَ  
اللَّهُ الْمُتَشَبِّهِينَ بِالنِّسَاءِ مِنَ الرَّجَالِ }

“Antara dalil yang menunjukkan keharamannya ialah sabda Nabi SAW dalam hadis sahih: *Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita.*”

وَيَدُلُّ عَلَى الْحَدِيثِ الصَّحِيحِ عَنِ أَنَسٍ :  
{ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ  
يَتَزَعَّفَرَ الرَّجُلُ }

“Dan juga berdasarkan hadis sahih daripada Anas RA: *Sesungguhnya Nabi SAW melarang lelaki memakai za'faran.*”

وَمَا ذَاكَ إِلَّا لِلْوَنَةِ لَا لِرِيحِهِ

“Dan larangan memakai za'faran itu tidak lain hanyalah kerana warnanya, bukan kerana baunya,”

فَإِنَّ رِيحَ الطَّيِّبِ لِلرِّجَالِ مَحْبُوبٌ  
وَالْحِنَاءُ فِي هَذَا كَالزَّعْفَرَانِ .

“kerana bau harum (wangian) adalah sesuatu yang disukai bagi lelaki. Maka inai dalam hal ini adalah sama hukumnya seperti za'farān.”

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

**Imam al-Nawawi sangat tegas dalam masalah lelaki memakai inai hingga menyatakan hukumnya haram kerana baginya itu menyerupai wanita yang dilarang syarak.**

## KESIMPULAN

**Tidak boleh bagi lelaki untuk berinai** sama ada bagi tujuan perkahwinan ataupun atas dasar berhias, agar nampak cantik dan sebagainya **melainkan untuk tujuan berubat** yang mana dengan  **berinai boleh membantu menyembuhkan** penyakit-penyakit tertentu.

### SUMBER

المجموع شرح المهذب كتاب الطهارة 337/1

IRSYAD HUKUM KE-157: HUKUM LELAKI MEMAKAI INAI